



بنك معاملات

Bank Muamalat

SIRI KAJIAN HUKUM MUAMALAT (SIRI PERTAMA)

FATWA ZAKAT KONTEMPORARI

OLEH DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI

Ahli kumpulan

DRB-HICOM

Kandungan

PERKARA

Kata-kata Aluan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad

4

Mukadimah

5

Bab Satu - Pengertian Zakat dan Pensyariatannya

- Pengertian Zakat Pada Bahasa

Bab Dua – Hikmah dan Faedah Zakat

8

Bab Tiga - Pelbagai Fatwa dan Hukum Zakat

10

- Pertama: Zakat Harta Kanak-kanak dan Orang Gila
- Kedua: Menukarkan Harta Zakat atau Menggunakannya
- Ketiga: Penggunaan Sistem Metrik dalam Urusan Zakat
- Keempat: Zakat Gaji
- Kelima: Zakat KWSP
- Keenam: Hukum Zakat Rusa
- Ketujuh: Zakat Tanam-tanaman dan Buah-buahan
- Kelapan: Hukum Memindahkan Zakat
- Kesembilan: Zakat Saham
- Kesepuluh: Harta Dikumpul Bertujuan Pengagihan
- Kesebelas: Zakat Tabung Haji
- Kedua belas: Zakat Koperasi dan Syarikat

Bab Empat - Pendapat Ulama dan Majma Fiqh Islami

15

- Pertama: Zakat Hutang
- Kedua: Zakat Wakaf yang Tidak Tertentu
- Ketiga: Zakat bagi Rumah atau Tempat Tinggal
- Keempat: Melantik Seseorang dalam Mengembangkan Harta Wakaf
- Kelima: Zakat Saham dalam Syarikat
- Keenam: Menyeberangkan Zakat Sebelum Cukup Nisabnya
- Ketujuh: Mengeluarkan Zakat Tanaman dengan Wang
- Kelapan: Zakat Perhiasan
- Kesembilan: Zakat Anugerah Tamat Perkhidmatan
- Kesepuluh: Kilang-kilang atau Syarikat daripada Hasil Pertanian atau Penternakan
- Kesebelas: Zakat Madu
- Kedua belas: Zakat Harta Awam
- Ketiga belas: Zakat Mustaghallat

Penutup

18

Bibliografi

21

Kata-kata Aluan

Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Muamalat Malaysia Berhad

Segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam yang sentiasa Maha Pemurah dan Maha Penyayang terhadap makhluk-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga, sahabat-sahabat baginda serta mereka yang sentiasa mengikuti dan memperjuangkan sunnahnya.

Islam merupakan agama dan pegangan yang harmoni untuk manusia sejagat yang mana telah menetapkan satu sistem keadilan dan keseimbangan dalam pembahagian harta dan kekayaan tanpa menindas antara satu sama lain, serta tidak membiarakan golongan miskin dan orang yang memerlukan pertolongan hidup dalam kesusahan. Justeru itu Islam telah mementukan satu sistem yang dinamakan Zakat bagi mengungkai persoalan ini. Firman Allah S.W.T tentang kewajipan berzakat yang bermaksud:

“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat.”

(Surah Al-Baqarah: 110)

Allah S.W.T. telah memfardhukan zakat sebagai salah satu ciri perekonomian Islam, malah zakat juga merupakan satu peraturan yang tetap yang telah diperintahkan Allah. Walaupun sistem zakat merupakan jaminan Allah dalam menangani masalah masyarakat, tetapi sejauh mana ia dapat dilaksanakan untuk mencapai matlamatnya bergantung kepada ekonomi negara, keberkesanan pengurusan zakat dan kesedaran oleh pembayar zakat.

Zakat merupakan sumber kekuatan ekonomi masyarakat Islam. Badan yang bertanggungjawab mengumpulkan zakat mempunyai tugas yang khusus yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. iaitu untuk mengagihkan wang zakat kepada lapan asnaf sebagaimana yang ditentukan Allah S.W.T. di dalam kitab-Nya. Jika ini tidak dilakukan dengan mengikut acuan yang betul, masalah kemiskinan akan berterusan. Malah, kemiskinan merupakan salah satu punca utama kepada kemungkar dan kepincangan yang sedang berlaku di sekililing kita dewasa ini.

Dunia hari ini semakin maju khususnya dalam bidang perniagaan sama ada dalam bentuk syarikat, pasaran saham, koperasi, dan sebagainya. Implikasinya, bentuk penyata kewangan untung rugi perniagaan tersebut semakin rumit untuk dibaca dan dianalisa.

Hakikatnya, masih banyak isu berkisar mengenai zakat yang tidak diketahui oleh orang ramai. Antaranya isu mengenai zakat ke atas saham, koperasi dan syarikat, serta fatwa-fatwa mengenainya. Adalah diharapkan kemunculan buku ini dapat mendidik masyarakat untuk mendalami serta memahami hukum dan fatwa berkenaan zakat dengan lebih jelas dan terperinci.

Akhir kata, saya merasa bangga dengan kemunculan buku ini yang dikaryakan oleh Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, salah seorang Panel Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad yang bertungkus lumus untuk menyiapkan siri pertama berkenaan Muamalat Maliah dengan tajuk Fatwa Zakat Kontemporari. Semoga ia menjadi semangat serta pendorong kepada kita untuk memahami dan mendalami hukum Islam berkaitan Al-Mal.

Ikhlas,

Dato Hj. Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Mukadimah

Pengarang
Fatwa Zakat Kontemporari

Islam adalah agama yang bersifat tolong menolong dan lindung-melindungi. Ia merupakan satu cara hidup yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. dengan memuliakan manusia agar mereka hidup aman bahagia di muka bumi. Bagaimanapun kebahagiaan manusia hanya akan terlaksana apabila mereka mengetahui akan hakikat dirinya terlebih dahulu. Lantaran itu, barulah mereka mengetahui bahawa mereka adalah hamba Tuhan yang Maha Esa, iaitu Allah S.W.T. yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan.

Syariat Islam berbeza dengan sebarang undang-undang ciptaan manusia. Ia adalah satu peraturan yang dapat memenuhi segala keperluan asas dan kepentingan manusia yang bersesuaian dengan jiwa dan peningkatan tarafnya.

Pensyariatan zakat adalah satu daripada ciri-ciri yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. untuk membentuk keperibadian manusia, sesuai dengan pra-syarat kebahagiaan sesebuah masyarakat yang harmoni, mahupun sebagai individu yang menyanjungi kebahagiannya dalam kehidupan ini.

Jika diamati dengan teliti, fungsi zakat ialah mengawasi pendapatan seseorang supaya tidak melanggar batas keadilan di kalangan mereka. Syeikh Muhammad bin Ibrahim Al-Syeikh berkata: "Di sini perkara yang amat penting yang sah untuk dibelanjakan padanya dari zakat, iaitu persediaan kekuatan harta untuk dakwah kepada Allah S.W.T. dan juga untuk menghilangkan syubhat daripada agama dan ini merupakan sebesar-besarnya jihad pada jalan-Nya."

Zakat adalah fardhu dalam rukun Islam dengan ijma'. Sesiapa yang mengingkari akan kefardhuan zakat adalah kafir dengan ijma' sebagaimana pendapat Ibn Al-Sobagh. Menegah daripada keluar menuaikan zakat boleh diperangi dengan *ittifaq* para sahabat sehingga mereka menuaikan hak Allah S.W.T. kepadanya.

Tujuan buku kecil ini dikemukakan ialah untuk mendedahkan khazanah ilmiah dari pelbagai sumber dan rujukan Islam yang telah dikemukakan oleh ulama, sama ada *mutaqaddimin* dan *mutaaakhirin* sesuai dengan keadaan masyarakat dan maslahat setempat berubah dari zaman ke zaman mengikut gaya hidup dan uruf masing-masing.

Suatu penegasan, suka dinyatakan bahawa pendapat dan fatwa ini bukanlah bersifat ilzam yang mesti dipatuhi dan diikuti, tetapi semata-mata permasalahan ilmiah. Saya berharap kepatuhan kepada keputusan majlis fatwa negeri hendaklah didahulukan daripada mana-mana pendapat sebagai menghormati institusi mufti dan fatwa bagi negeri masing-masing.

Akhukum fillah,

Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri

3 Ogos 2011M

Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

Bab Satu

Pengertian Zakat Dan Pensyariatannya

Pengertian Zakat Pada Bahasa

Ibn Manzur menyebut dalam kitabnya Lisan Al-Arab bahawa asas zakat ialah bersih, tumbuh, berkat dan pujian. Semuanya digunakan dalam Al-Quran dan hadis.

Menurut Al-Raghib Al-Asfahani: "Maksud asal zakat ialah subur yang terhasil dari keberkatan Allah S.W.T. dan ianya berkaitan dengan perkara dunia dan akhirat." Dinamakan zakat dengan makna tersebut kerana pengeluaran zakat untuk mengharapkan keberkatan atau membersihkan jiwa dan menyuburkannya dengan segala kebaikan dan keberkatan. Perkataan zakat (زَكَاةُ الشَّيْءِ) diambil daripada (الزَّكَاة) yang bermaksud "sesuatu itu bertambah dan subur."

Begitu juga (زَكَاةُ الزَّرْعِ وَزَكَاةُ التِّجَارَةِ) yang bermaksud "tanam-tanaman dan perniagaan subur dan bertambah." Zakat juga bererti bersih. Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu (dengan iman dan amal kebaikan)." (Surah Al-Syams: 9)

Al-Qurtubi berkata: "Dengan maksud sesungguhnya telah berjaya siapa yang Allah menyucikan jiwanya dengan ketaatan."

Menurut ayat tersebut, orang yang berjaya ialah orang yang membersihkan dirinya daripada akhlak yang buruk.

Pengertian Zakat Pada Syarak

Pengertian zakat pada istilah syarak ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syarat yang ditentukan.

Di dalam Al-Qamus Al-Fiqhi menyebut: Zakat pada syarak ialah pemilikan sebahagian daripada harta yang ditentukan oleh syarak kepada orang Muslim yang fakir yang bukan di kalangan Bani Hasyim di mana sebahagian harta dari kalangan orang kaya yang diberikan semata-mata kerana Allah S.W.T. Pengertian zakat mengikut susunan empat mazhab adalah seperti berikut:

Mazhab Hanafi: Memberikan milik sebahagian harta yang tertentu daripada harta yang khusus kepada individu yang tertentu telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. untuk mendapatkan keredhaan-Nya.

Mazhab Maliki: Mengeluarkan sebahagian khusus daripada harta yang cukup nisab kepada orang yang berhak menerimanya, sekiranya sempurna milik dan cukup haul iaitu bagi yang selain daripada harta galian, tanaman dan rikaz.

Mazhab Al-Syafie: Zakat adalah nama bagi sesuatu yang dikeluarkan daripada harta dan tubuh badan dengan cara yang tertentu.

Mazhab Hanbali: Ia adalah hak yang wajib pada harta yang tertentu diberikan kepada golongan tertentu pada waktu tertentu.

Daripada definisi yang dijelaskan di atas, jelaslah bahawa perkataan zakat itu digunakan untuk menunjukkan kepada perbuatan mengeluarkan zakat itu sendiri iaitu menuaikan hak yang wajib terhadap harta. Ia juga digunakan untuk menunjukkan kepada sebahagian harta yang telah ditetapkan yang difardhukan oleh Allah S.W.T. sebagai satu hak kepada orang-orang fakir. Zakat juga dinamakan sebagai sedekah kerana ia menunjukkan kepada sifat benar seorang hamba dalam melakukan *ubudiyah* dan mentaati Allah S.W.T.

Bab Dua

Hikmah Dan Faedah Zakat

Zakat mempunyai hikmah dan faedah yang banyak. Ia adalah untuk kebaikan pengeluar zakat dan juga penerimanya. Faedah zakat juga dapat dinikmati oleh individu dan masyarakat. Antara hikmah dan faedah tersebut adalah seperti berikut:

Pertama: Amalan berzakat boleh membiasakan diri pengeluarnya supaya bersifat pemurah dan suka mengerjakan ibadah qurban. Amalan itu juga boleh membuang sifat kedekut dan unsur-unsur bakhil. Hakikat ini dapat dirasai oleh pengeluar zakat dan dia juga menyedari bahawa zakat itu lebih ketara kepada penambahan harta daripada menguranginya. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W. dengan sabdanya yang bermaksud:

“Zakat itu tidak mengurangi harta.”

Riwayat Muslim (2588)

Persoalannya: Bagaimakah dikatakan zakat itu akan mengurangi harta, sedangkan Allah memberkati harta yang tinggal dengan sebab berzakat?

Jawapan: Allah S.W.T. akan menjauahkan harta tersebut daripada sesuatu yang memudharatkannya dan memeliharanya daripada gangguan manusia. Selain daripada perkara tersebut, Allah S.W.T. juga menunjukkan cara-cara untuk memanfaatkan dan mengembangkan harta tersebut kepada pemiliknya. Di samping itu, Allah S.W.T. memberikan ganjaran pahala yang besar kerana mengeluarkan harta semata-mata untuk keredhaan-Nya.

Kedua: Zakat boleh menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang antara pengeluar zakat dengan orang lain. Apabila kesedaran ini wujud dalam masyarakat, setiap orang Islam mampu menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat kepada pihak yang berhak menerimanya. Ianya dapat dilihat betapa eratnya jalinan kasih sayang sesama individu di kalangan orang Islam dan masyarakat keseluruhannya.

Ketiga: Zakat berperanan untuk memastikan sesebuah anggota masyarakat itu menjadi lebih sempurna. Meskipun begitu, terdapat pelbagai keadaan dan unsur-unsur yang memperluaskan jurang perbezaan taraf sosial iaitu bertambahnya golongan yang memerlukan bantuan serta golongan fakir. Zakat berfungsi memelihara masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara.

Keempat: Zakat memainkan peranan penting dalam menangani masalah pengangguran. Antara sebab utama yang menyumbang kepada pengangguran ialah kemiskinan. Orang yang miskin tidak mempunyai modal yang minimum untuk menjalankan sesuatu perusahaan atau pekerjaan. Oleh itu, jika sistem zakat berjalan mengikut haknya, sudah tentu orang yang miskin berhak menerima bahagiannya dan membolehkan mereka menjalankan perusahaan yang dirancang sesuai dengan kemahiran dan kelayakan yang ada pada mereka.

Kelima: Zakat merupakan cara yang dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji yang memberi kesan kepada masyarakat, iaitu sifat berdendam, iri hati dan hasad dengki. Bagaimanapun sifat tersebut akan menjadi barah dalam masyarakat jika tiada lagi sifat berkhasih sayang, tolong-menolong dan saling bersimpati. Fenomena ini bukan hanya propaganda yang dilauung-laungkan sahaja, malah ia telah menjadi satu realiti yang nyata dan bukan fantasi yang direka. Apabila zakat dilaksanakan, hasilnya akan jelas kelihatan dan kesannya yang menakjubkan.

Oleh itu, ia dapat membersihkan jiwa daripada sifat hasad dengki dan iri hati serta mengeratkan hubungan persaudaraan sekalipun mereka berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya pengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk.”

(Surah Al-Taubah: 103)

Ibn Abbas menjelaskan bahawasanya setiap kalimah di dalam Al-Quran adalah lebih aula difahami dengan makna zakat yang wajib.

Keenam: Syeikh Ali Al-Jarjawi dalam bukunya, *Hikmah Al-Tasyri' wa Falsafatuhu* berkata: “Antara hikmah menunaikan zakat ialah membawa kepada keamanan dalam negara. Beliau memberi banyak alasan dan hujah bagi membenarkan kenyataan tersebut yang jelas menunjukkan bala menimpa masyarakat, negeri, negara dan tempat di mana pengabaian untuk mengeluarkan zakat berlaku. Natijah yang lebih parah lagi membawa kepada pembunuhan, jenayah, pencurian dan juga ramai yang ditangkap dan dimasukkan ke penjara kerana sebab harta benda dan kewangan.”

Bab Tiga

Pelbagai Fatwa Dan Hukum Zakat

Pertama: Zakat Harta Kanak-kanak dan Orang Gila

- Kewajipan zakat tidak disyaratkan pemiliknya seorang baligh, berakal dan cerdik
- Maksud wajib zakat harta kanak-kanak dan orang gila ialah harta kanak-kanak dan harta orang gila wajib dikeluarkan zakatnya. Hal ini tidak bermaksud mereka sendiri yang mengeluarkannya dan jika tidak melaksanakannya, mereka akan diazab pada Hari Kiamat. Sebenarnya hak zakat yang ada dalam harta mereka yang telah cukup syarat-syaratnya, wajib atas wali kedua-duanya mengeluarkan zakat bagi pihak mereka
- Sekiranya wali-wali tersebut cuai, dalam hal ini mereka yang berdosa dan mendapat seksa daripada Allah S.W.T. Jika kanak-kanak dan orang gila tidak mempunyai wali, maka zakat yang tertunggak menjadi tanggungjawab mereka untuk mengeluarkannya sendiri apabila baligh dan siuman

Kedua: Menukarkan Harta Zakat atau Menggunakannya

- Ulama tidak berselisih pendapat tentang zakat wang tunai yang dikeluarkan dengan wang tunai sahaja dan tidak sah pemiliknya mengeluarkan barang lain yang menyamainya sebagai ganti. Apabila pemilik harta menyerahkan zakatnya kepada pemerintah, wakil atau yang lainnya mereka tidak boleh menguruskannya secara yang terkeluar daripada keadaan yang asal zakat tersebut sebelum menyampaikannya kepada yang berhak
- Menurut Imam Nawawi dalam kitabnya Al-Majmu' (6/178), sahabat-sahabat kami berkata: "Tidak harus bagi pemerintah dan pemungut zakat, menjual harta zakat walaupun sedikit tanpa keperluan berbuat demikian. Malah mereka hendaklah menyerahkan harta zakat yang asal kepada golongan yang berhak menerimanya." Ini kerana penerima zakat adalah golongan yang mengerti dan tidak perlu diuruskan oleh orang lain. Sepakat bahawa zakat tidak halal bagi Bani Hashim sama ada lelaki dan perempuan sekalipun mereka berhak menerima zakat

Ketiga: Penggunaan Sistem Metrik dalam Urusan Zakat

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Pertama 1981 berkenaan Sistem Metrik dalam Urusan Zakat seperti berikut:

- Ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus
- Sukatan nisab zakat padi ialah 363 gantang

Keempat: Zakat Gaji

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Pertama 1997 berkenaan Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional:

- Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Lembaga Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebat zakat ke atas jumlah yang dibayar
- Pendapatan profesional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan

- Muzakarah bersetuju bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2003 berkenaan Zakat Gaji Beserta Kadarnya:
 - Asas pengiraan zakat gaji dan pendapatan adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun dan kadar zakat yang dikenakan ialah sebanyak 2.5% daripada jumlah pendapatan tersebut
 - Dalam kitab Nawazil Al-Zakah, antara lain menyebut: Seseorang yang menunaikan zakat apabila cukup nisab dan haulnya sudah pasti besar pahala, tinggi darjat dan meraikan hak fakir miskin

Kelima: Zakat KWSP

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 1982 berkenaan Zakat Wang KWSP: Wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja Islam wajib dikeluarkan zakat apabila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Al-Syafie.

Walaupun begitu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2006 menambah fatwa seperti berikut:

Jumhur ulama berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya. Berdasarkan pandangan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa Keputusan Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada tahun 1982 dipinda sebagaimana berikut:

- Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun

Keenam: Hukum Zakat Rusa

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 1993 berkenaan Hukum Zakat, Korban dan Akikah ke atas Ternakan Rusa:

- Rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan akikah
- Jika diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5%

Ketujuh: Zakat Tanam-tanaman dan Buah-buahan

- Tanam-tanaman dan buah-buahan yang wajib dizakatkan adalah yang menjadi makanan asasi manusia dalam keadaan biasa, boleh disimpan lama, dan tidak rosak. Antara buah-buahan yang wajib zakat ialah kurma dan angur manakala tanam-tanaman pula adalah seperti gandum, barli, padi, kacang dal, kacang putih, jagung dan sebagainya. Sebarang makanan pada musim kemarau tidak dianggap sebagai makanan asasi. Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila dia berbuah, dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya.”

(Surah Al-An'am: 141)

Dalam *Al-Masail Al-Mustajiddah* menyebut *dhawabit zakat* tanaman:

- i. Jenis bijian seperti gandum, *sya'ir* (*sejenis tepung*), kacang dan lain-lain.
- ii. Jenis buah-buahan yang disukat dan disimpan seperti kurma, *zabib* (*kismis*), *fustuq* (kacang cerdik).

Ini berdasarkan pernyataan Al-Buhuti dalam *Syarah Al-Muntaha* (2/226): "Wajib zakat pada setiap yang boleh disukat dan ditimbang secara nas."

Atas dasar inilah jenis-jenis tanaman tidak dikenakan zakat:

- i. Buah-buahan seperti epal, pisang, limau, durian, salak, duku, langsat, rambutan, belimbing dan lain-lain.
- ii. Jenis sayur-sayuran termasuk bawang putih, bawang merah, sawi, kubis dan lain-lain.
- iii. Jenis sayuran renek seperti *jarjir* (*sejenis pokok*), *na'na'* (*pudina*), *khurfus* (*daun sup*), tauge dan lain-lain.
- iv. Jenis yang bukan bijiran dan buah-buahan seperti kapas juga tidak diwajibkan zakat.

Kelapan: Hukum Memindahkan Zakat

Memindahkan zakat ke negeri yang lain adalah harus kerana maslahat yang kuat seperti bantuan bencana atau kefakiran dan sebagainya. Inilah fatwa Syeikh Ibn Jabrin.

Dalam kitab *Nawazil Al-Zakah* mengemukakan banyak pandangan dan ketika mengesahkan dengan menyatakan tidak menjadi kesalahan memindahkan zakat jika ahli ijтиhad berpendapat sedemikian. Ibn Zanjawaih berkata: Mengikut sunnah, pemerintah hendaklah mengutus amil zakat untuk memungut daripada mereka yang kaya dan membahagikan harta tersebut di kalangan orang fakir di sekeliling mereka. Tetapi jika pemerintah berpendapat ada negeri yang lebih fakir yang amat memerlukan, maka hukumnya adalah harus seperti pendapat mazhab Hanafi, maliki dan dipilih oleh Syeikhul Islam Ibn Taimiah.

Kesembilan: Zakat Saham

Saham-saham yang berasaskan kepada harta tanah dan lainnya selama mana bukan yang haram bukan diwajibkan zakat termasuk dalam kategori barang dagangan. Inilah fatwa Syeikh Ibn Baz. Tanah yang dimiliki seseorang tidaklah diwajibkan keluar zakat kecuali digunakan untuk perniagaan seperti broker. Ini berdasarkan kepada umum wajib zakat daripada firman-Nya yang bermaksud:

"Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan."

(Surah Al-Taubah: 103)

Kesepuluh: Harta Dikumpul Bertujuan Pengagihan

Harta yang dikumpulkan secara bersama yang digunakan untuk mengagihkan kepada yang perlu tidaklah dikenakan zakat. Ini kerana harta tersebut dianggap bukan milik mereka tetapi

hukumnya adalah sedekah. Inilah fatwa Syeikh Ibn Baz. Seseorang yang tinggal di luar negerinya boleh memilih menunaikan zakat sama ada di tempat tinggalnya atau di negeri asalnya. Justeru, yang afodalnya ialah melihat kepada maslahat. Inilah pendapat Syeikh Ibn Husaimi.

Keselbas: Zakat Tabung Haji

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 1979 berkenaan Pembayaran Zakat oleh Tabung Haji:

- Lembaga Urusan dan Tabung Haji diwajibkan membayar zakat bagi pihak penyimpan dari wang simpanannya, dari hasil pelaburan dan dari harta yang diperniagakan serta segala keuntungan daripadanya
- Setelah dikeluarkan zakat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi pihak penyimpan itu, maka barulah keuntungan bersih dibahagi di antara penyimpan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji berdasarkan peratus yang ditentukan

Kedua belas: Zakat Koperasi dan Syarikat

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 1985 berkenaan Zakat Koperasi Shamelin dan seumpamanya: Koperasi wajib mengeluarkan zakat bagi pihak ahli-ahlinya.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 1987 berkenaan Zakat ke atas MARA: MARA tidak wajib mengeluarkan zakat kerana tidak memenuhi syarat milik sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 1992 berkenaan Zakat ke atas Syarikat: Syarikat perniagaan diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat berikut:

- Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam
- Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka
- Sempurna milik
- Cukup nisab
- Cukup haul (genap setahun qamariah/354.3 hari)
- Kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5%
- Syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja berdasarkan pendapatan bersih yang diperolehi

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2001 berkenaan Zakat ke atas Firma-Firma dan Syarikat Konsultan: Wajib zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan, jika dimiliki bersama antara orang Islam sahaja yang kena zakat dan tidak ke atas milik bukan Islam.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2001 berkenaan Zakat Ke atas Syarikat yang dimiliki oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham yang Bercampur Muslim dan bukan Muslim: Dikenakan zakat bahagian muslim sahaja.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2001 berkenaan Operasi ke atas Bank-Bank dan Syarikat-Syarikat Perniagaan yang Berlandaskan Syariah yang Syarikat Dimiliki oleh Orang Bukan Islam: Semua perbankan Islam yang menjalankan pengurusan perniagaan berlandaskan

syarak wajib mengeluarkan zakat begitu juga semua kaunter yang menjalankan perniagaan berlandaskan syarak yang induknya bukan Islam.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2001 berkenaan Zakat Syarikat/ Anak Syarikat yang Dimiliki oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB): Permodalan Nasional Berhad (PNB) memiliki anak-anak syarikat yang tidak disatukan. Masa kini anak syarikat milik PNB tidak dikenakan pada pelaburan perseorangan dan pemegang saham sahaja. Oleh itu, menjadi tanggungjawab PNB memberikan kesedaran kepada pelabur perseorangan supaya membayar zakat untuk mereka, begitu juga PNB sebagai pemegang saham.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa 2003 berkenaan Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA): ANGKASA wajib mengeluarkan zakat setelah di tolak semua perbelanjaan perkhidmatan, pengurusan dan cukai pendapatan kiranya cukup haul dan nisab dengan kadar 2.5%.

Zakat hendaklah dibayar berdasarkan kepada pendapatan dan keuntungan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan apabila mendapat pertumbuhan, perkembangan dan pembesaran berbanding nilai dan modal.

Bab Empat

Pendapat Ulama dan Majma' Fiqh Islami

Bagi melengkapkan lagi perbincangan berkenaan dengan fatwa dan pendapat ulama fiqh, maka penulis merasa terpanggil untuk mentelaah dan menekuni pendapat ulama dunia yang kerap kali bersidang di bawah payung Majma' Fiqh Islami, *Rabitah Al-Alam Al-Islami*. Ini kerana pendapat mereka dimukadimahkan dengan kajian ilmiah dan kertas-kertas kerja yang dikemukakan oleh ramai tokoh cendekiawan Islam, kemudian diperhalusi dengan muzakarah serta kesatuan pendapat. Hal ini sudah pasti membawa perubahan natijah yang muktamad dengan mengambil kira segala maqasid syariah dan maslahat ummah. Dikemukakan di sini beberapa keputusan yang dikeluarkan:

Pertama: Zakat Hutang

Keputusan Majma' Fiqh Islami Tahun 1985 ialah:

- i. Wajib zakat hutang ke atas pemberi hutang setiap tahun jika yang berhutang mudah membayarnya; dan
- ii. Wajib zakat hutang ke atas pemberi hutang selepas setahun daripada memiliki jika yang berhutang sukar dan lambat membayarnya.

Kedua: Zakat Wakaf yang Tidak Tertentu

Keputusan Majma' Fiqh Islami Tahun 1985 ialah tidak wajib zakat pada wakaf yang tidak tertentu seperti masjid, madrasah dan untuk orang-orang miskin.

Adapun wakaf kepada golongan tertentu seperti untuk anak-anaknya apabila sudah mencapai nisab dan segala syarat zakat, maka hukumnya adalah wajib.

Ketiga: Zakat bagi Rumah atau Tempat Tinggal

Keputusan Majma' Fiqh Islami Tahun 1989 ialah:

- i. Tempat tinggal yang disediakan untuk mendiaminya tidak wajib zakat secara mutlak;
- ii. Tempat tinggal yang disediakan untuk tujuan perniagaan termasuk dalam barang perniagaan, maka wajib zakat mengikut nilainya selepas setahun atau cukup haul;
- iii. Tempat tinggal yang disediakan untuk sewaan hanya wajib zakat berdasarkan nilai sewaannya sahaja; dan
- iv. Keputusan yang sama dibuat berkenaan dengan segala rumah dan tanah sewaan ianya tidak diwajibkan zakat tetapi sewaannya sahaja yang diwajibkan zakat.

Keempat: Melantik Seseorang dalam Mengembangkan Harta Wakaf

Keputusan Majma' Fiqh Islami Tahun 1986 ialah harus pada prinsipnya melantik untuk menambahkan lagi aset zakat dengan mempermilikan kepada golongan yang berhak menerima zakat atau sebagai ikutan di bawah syarat yang dipertanggungjawabkan dari pengumpulan dan pembahagian zakat. Walaupun begitu, hendaklah mempunyai keperluan yang mendesak serta adanya jaminan supaya selamat daripada sebarang kerugian. Wallahu A'lam.

Kelima: Zakat Saham dalam Syarikat

Keputusan Majma' Fiqh Islami pada Tahun 1988 ialah:

- i. Wajib zakat saham ke atas pemiliknya dan boleh pengurusan syarikat mengeluarkannya sebagai wakil berdasarkan peraturan atau undang-undang syarikat atau akta dibuat oleh kerajaan;
- ii. Cara pengeluaran zakat saham oleh pengurusan syarikat sama seperti cara yang dilakukan oleh individu;
- iii. Jika syarikat tidak mengeluarkan harta tersebut dengan apa sebab sekalipun, maka wajib ke atas pemilik saham mengeluarkan zakat sendiri;
- iv. Jika pemilik saham menjual sahamnya dalam tempoh setahun, dia hendaklah menggabungkan nilai harganya kepada hartanya kemudian di keluar bersama setelah dikira sebanyak 2.5%; dan
- v. Syeikh Muhammad Abu Zahrah, Syeikh Abdul Wahab Khallaf, dan Syeikh Abdul Rahman Hasan bersepakat bahawa nas-nas yang datang berkenaan zakat berdasarkan 'Qillah bukan semata-mata ta'abbudi. Atas dasar inilah saham diwajibkan zakat. Lihat *Al-Fiqh ala Al-mazahib Al-Arba'ah* (1/605).

Keenam: Menyegearkan Zakat Sebelum Cukup Nisabnya

Ijmak ulama menyatakan bahawa tidak harus menyegearkan zakat sebelum cukup nisab kerana tidak wujud sebab kewajipannya. Sedangkan jumhur ulama kecuali Mazhab Maliki mengharuskannya.

Ketujuh: Mengeluarkan Zakat Tanaman dengan Wang

Majlis Kibar Ulama Arab Saudi yang bersidang pada 1402 H, memutuskan bahawa pada asalnya zakat hendaklah dikeluarkan daripada harta yang dizakatkan berdasarkan nas-nas daripada Rasulullah S.A.W. dalam menghuraikan harta-harta zakat secara terperinci.

Walaupun begitu, ramai ulama mengharuskan dikeluarkan zakat berdasarkan nilai mata wang dan ini tidaklah memberi kemudaratkan kepada fakir miskin. Justeru, jika ini membawa maslahat kepada fakir miskin, maka hukumnya adalah harus dikeluarkan zakat berdasarkan nilai mata wang.

Kelapan: Zakat Perhiasan

Dalam kitab *Al-Masail Al-Mustajiddah* menyebut fatwa Syeikh Muhammad bin Ibrahim (4/97) menyatakan: Jelas menunjukkan tidak wajib zakat perhiasan yang digunakan berdasarkan kepada hadis dan nas-nas. Walaupun begitu, ia bertukar menjadi wajib berdasarkan tiga syarat:

- i. Digunakan untuk perkara yang haram;
- ii. Digunakan untuk perniagaan; dan
- iii. Kadar pemilikannya lebih daripada uruf setempat.

Kesembilan: Zakat Anugerah Tamat Perkhidmatan

Keputusan Majma' Al-Fiqh Al-Islami dalam persidangannya yang ke-16 menyatakan bahawa tidak wajib zakat anugerah tersebut kerana tidak *tahqiq* milik yang sempurna. Apabila telah diberi dan diterimanya sekaligus atau beberapa kali, maka jadilah miliknya yang sempurna dan hendaklah digabungkan dengan harta simpanannya yang diwajibkan zakat.

Kesepuluh: Kilang-kilang atau Syarikat daripada Hasil Pertanian atau Perternakan

Dalam buku *Al-Masail Al-Mustajiddah*, semua perkara di atas termasuk kilang susu dizakatkan sebagai zakat perniagaan.

Kesebelas: Zakat Madu

Ulama telah khilaf berkenaan dengan zakat madu. Dalam buku *Al-Masail Al-Mustajiddah* menyebut pendapat yang paling rajih adalah diwajibkan zakat dengan kadar sepuluh afraq nisabnya yang menyamai sukatananya 75 kilogram. Inilah yang telah diputuskan oleh Sayidina Umar Ibn Al-Khattab yang memerintahkan supaya dikeluarkan sepuluh peratus (10%) daripada nilai madu. Athram berkata Imam Ahmad ditanya berkenaan dengan zakat madu. Jawabnya: "Ya! Aku berpendapat demikian kerana telah dilakukan oleh Umar."

Inilah pendapat Hanafiah, Hanabilah dan *qaul qadim* bagi mazhab Syafie. Pendapat ini juga dikemukakan oleh Umar Ibn Abdul Aziz, Makhul, Zuhri, Auza'ie dan Ishak.

Manakala pendapat yang kedua menyatakan bahawa madu lebah tidak dikenakan zakat. Pendapat ini datangnya daripada Malik, Syafie, Ibn Abi Laila, Al-Hasan bin Soleh dan Ibn Munzir. Alasannya ialah kerana madu adalah cecair yang keluar daripada haiwan dan ianya sama seperti susu haiwan. Ibn Munzir menyatakan bahawa tiada hadis dan ijma' yang *thabit* menunjukkan tentang wajibnya zakat terhadap madu. Lihat *Al-Mughni* oleh Ibn Qudamah.

Kedua belas: Zakat Harta Awam

Ulama telah khilaf kepada dua pendapat:

- i. Wajib zakat, inilah pendapat Muhammad bin Hasan Al-Hanafi dan dipilih oleh Dr. Muhammad Naim Yasin, Dr. Rafiq Al-Misri, Dr. Abdul Hamid Al-Ba'li, dan Dr. Hasan Al-Bili. Inilah yang dijadikan Qanun Zakat Sudan; dan
- ii. Tidak wajib zakat, berdasarkan pendapat fuqaha terdahulu berkenaan zakat harta awam. Inilah yang dipilih oleh ramai tokoh ulama semasa dan telah diputuskan dalam Nadwah ke-13 berkenaan dengan permasalahan zakat semasa oleh kebanyakan ulama.

Ketiga belas: Zakat Mustaghallat

Al-Mustaghallat merupakan harta kekal yang berkembang seperti rumah kediaman, kilang, kenderaan, ladang ternakan ayam, kapal terbang, kapal laut dan lain-lain. Kesemua harta tersebut merupakan modal berkembang yang mendatangkan keuntungan yang besar kepada tuan punya harta tersebut. Terdapat dua pendapat yang membezakan permasalahan ini:

- i. Menyatakan tidak kena zakat ke atas *Al-Mustaghallat*. Pandangan ini adalah pandangan sebahagian ulama antaranya Ibn Hazm, Al-Syaukani, Sidek Hasan Khandan lain-lain. Antara hujah mereka ialah tidak ada nas yang sorih sama ada daripada Al-Quran dan Al-Hadis yang menunjukkan kepada kewajipan tersebut. Tambahan pula Rasulullah S.A.W. sendiri telah menetapkan harta-harta yang diwajibkan zakat dan ianya tidak termasuk *Al-Mustaghallat*. Begitu juga, para fuqaha tidak menetapkan perkara tersebut. Jika didapati keuntungan daripada *Al-Mustaghallat* itu, maka harta tersebut kekal sehingga cukup haulnya dan hendaklah dikeluarkan untuknya zakat emas dan perak dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. (Muhammad Al-Said Wahbah & Abdul Aziz Muhammad Rasyid); dan
- ii. Diwajibkan zakat ke atas *Al-Mustaghallat*. Ini adalah pendapat sebahagian ulama Malikiyyah, Al-Hanabilah, Al-Hadawiyah, daripada Zaidiyyah dan juga pendapat sebahagian daripada ulama kontemporari seperti Abu Zuhrah, Abdul Wahab Khallaf dan Abdul Rahman Hassan.

Penutup

Betapa pentingnya zakat yang menjadi rukun daripada rukun-rukun Islam yang lima. Sikap Sayidina Abu Bakar r.a yang tegas memerangi golongan yang enggan membayar zakat sebagai contoh ia tidak boleh dipisahkan daripada kamus kehidupan muslim, masyarakat dan negara. Ini kerana ia menjadi tonggak ekonomi umat yang perlu diurus dengan pengurusan yang baik.

Memetik kata-kata Dr. Yusuf Al-Qaradhawi melalui bukunya “Agar Berjaya Muassasah Zakat dalam Penerapan Masa Kini,” antara lain menyebut: “Dari sini saya katakan sesungguhnya penubuhan lembaga zakat atau mengeluarkan undang-undang untuk mengatur pemungutan dan pembahagiannya, wajib menjadi satu bahagian dari langkah yang menyempurnakan pelaksanaan peraturan Islam dan kembali kepada kehidupan Islam yang benar.”

Sesungguhnya peraturan Islam terhadap kehidupan ialah peraturan yang saling bersangkut paut dan menyempurnakan antara satu sama lain, tidak boleh dibahagi-bahagikan dan tidak boleh diambil sebahagiannya tanpa sebahagian lainnya, maka adakalanya yang ditinggalkan itu ialah penyempurnaan atau syarat bagi yang diambil. Oleh itu, Allah S.W.T. memerintahkan orang-orang mukmin memasuki Islam secara menyeluruh, menjalankan pengajaran-pengajaran dan syariat-syariatnya secara keseluruhan seperti yang dijelaskan dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.”
(Surah Al-Baqarah: 208)

Keselamatan di sini ialah Islam, kerana ia adalah sumber keselamatan diri dan masyarakat. Ertinya masuklah kamu ke dalam syariat Islam secara keseluruhannya. Bukanlah seperti yang diiginkan sebahagian Yahudi untuk memasuki Islam dengan memelihara sebahagian syariat dan tradisi mereka yang kuno.

Maka Al-Quran menolak yang demikian itu kecuali mereka memasuki Islam secara keseluruhannya dan mengambil semua tali Islam dari syariat-syariatnya. Menjalankan seluruh perintahnya dan meninggalkan semua larangannya. Inilah tafsiran Ibn Kathir.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menambah berkenaan dengan peraturan zakat yang mahu diterapkannya. Antara lain katanya: Mengumpulkan penghasilan yang sedikit tidak cukup untuk menghadapi kefakiran yang tersebar dan masalah-masalah sosial yang lahir di belakangnya dan kelemahan penghasilan ini kembali kepada beberapa sebab yang lebih penting iaitu:

Pertama: Lemahnya semangat beragama dan kesedaran terhadap Islam di sisi kebanyakan manusia, natijah daripada perang pemikiran asing yang kafir.

Ini kerana manusia melarikan diri daripada membayar zakat kepada negara kerana banyaknya bebanan daripada cukai-cukai yang lain dan tidak ada kepercayaan mereka terhadap negara-negara yang memungut zakat kerana ia tidak menjalankan hukum yang diturunkan oleh Allah. Mereka juga mempercayai bahawa tidak akan menyalurkannya pada bentuk yang dianjurkan seperti kebanyakan cukai-cukai yang disalah gunakan penyalurannya.

Kedua: Sesungguhnya majoriti penduduk di negara itu tidak memiliki kekayaan dan tidak mempunyai penghasilan yang mempunyai nilai yang mana boleh menjadi sumber zakat dan itu adalah kesan bagi cara hidup yang dialami kaum Muslimin pada zaman ini iaitu cara orang-orang kafir yang diikuti kaum Muslimin sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta sehingga sekiranya mereka masuk ke dalam lubang biawak, nescaya dia akan ikut bersamanya, iaitu cara hidup yang berlebih-lebihan dalam kemewahan, penampilan, perhiasan dan permainan haram yang bahan-bahan importnya dari negara-negara asing yang melemahkan sumber-sumber dan kekuatan kita kepada yang tidak mendatangkan manfaat kepada agama keduniaan kita.

Ketiga: Penghasilan yang sedikit ini akan dibelanjakan sebahagian daripadanya untuk kegunaan pejabat, peralatan dan para pegawai yang dikhaskan bagi pekerjaan ini, natijah kesusahan pentadbiran dan tugas dan menitik beratkan keagungan dan penampilan yang menelan harta itu sebelum sampai kepada orang-orang fakir.

Keempat: Ketika pembahagian terjadi keguncangan dan kekacauan, dan diharamkan kebanyakan orang-orang yang berhak, dan mengambil kebanyakan orang-orang yang tidak berhak menerima zakat. Yang demikian kerana lemahnya pendidikan, pudarnya iman dan hati yang berpenyakit, sama ada di sisi orang-orang yang menjalankan urusan zakat itu atau di sisi rakyat.

Kelima: Akhirnya natijah zakat dengan sendirinya tidak mampu menutup keperluan orang-orang fakir, dan kebencian umum untuk mengeluarkan zakat dan tidak ada faedahnya. Ini menyebabkan keraguan terhadap peraturan Islam seluruhnya. Dengan contoh ini, jelaslah bagi kita bahawa kemasukan peraturan asing masa kini dalam sebahagian dari pengajaran-pengajaran Islam dan hukum-hukumnya, tidak menyelesaikan masalah dan tidak merawat penyakit dengan rawatan sempurna.

Sesungguhnya peraturan Islam mewajibkan umatnya memelihara kekayaan dengan membelanjakan kepada perkara yang bermanfaat. Islam memelihara kekuatan dan kekayaannya, serta usaha umatnya untuk digunakan daripada membeli arak dan bahan-bahan yang memabukkan, dalam permainan dan gurau senda, menghabiskan masa dalam perkara-perkara yang haram dan keji secara zahir dan batin.

Sebagai penutup, suka ditegaskan bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk mencetak buku-buku agama, kaset dan cd berkaitan agama bagi tujuan dakwah dan menyebarluaskan ilmu Islam.

Inilah yang diputuskan dalam Majlis Majma' Fiqh Islami yang bersidang di Makkah pada tahun 1405 Hijrah di bawah tajuk fi sabillillah mengharuskannya termasuk di bawah dakwah kepada Allah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkahkannya itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti (perasaan si penerima)."

(Surah Al-Baqarah: 262)

Diharapkan semoga buku ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan isu dan permasalahan zakat kepada khalayak, khasnya umat Islam dan seterusnya dapat mengamalkan segala nilai mulia hingga akhirnya menjadi hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi ini. Amin.

Bibliografi

Abu Bakar Muhammad bin Abdullah (Ibn Al-Arabi). 2006. Hukum-hukum dalam Al-Quran. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Al-Syeikh Sa'ad bin Abdullah Al-Barik. 1999. Fatawa Ulama' Al-Balad Al-Haram, Himpunan Al-Syeikh Sa ad bin Abdullah Al-Barik.

Al-Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad bin Husin bin Umar. t.th,Bugyatul Mustarsyidin. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

Al-Sayyid Sabiq, Fiqh Al-Sunnah. 1996. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

Al-Syahid Sayyid Qutub Rahimahullah. 2000. Tafsir fi Zilal Al-Quran (Di Bawah Bayangan Al-Qur'an). Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Atiah Saqr. t.th. Al-Fatawa. Kaherah: Maktabah Al-Taufiqjah.

Abdullah bin Abdul Rahman Al-Bassam. 2003. Taudih Al-Ahkam min Bulugh Al-Maram. Maktabah Al-Asadi.

Dr. Muhammad Al-Zuhaili. 2007. Al-Mu'tamad fi Al-Fiqh Al-Syafie. Damsyiq: Dar Al-Qalam.

Dr. Muhammad Al-Zuhaili. 2009. Maus'ah Qadhaya Islamiah Mu'asirah. Damsyiq: Dar Al-Maktabi.

Dr. Abdullah bin Mansur Al-Ghufaili. 2008. Nawazil Al-Zakah. Riyadah: Bank Al-Bilad.

Syekh Jalal Haq Ali Jada Al-Haq. 2004. Buhusun wa Fatawa Islamiah fi Qadhaya Mu'asirah. Kaherah: Dar Al-Hadith.

Dr. Ahmad Al-Syarbasi. 1995. Yas'alunaka Fi Al-Din Wa Al-Hayah. Jami Al-Huquq Mahfuzah li Dar Al-Jil.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi. 2004. Agar Berjaya Muassasah Zakat dalam Penerapan Masa Kini. Jasmin Enterprise.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi. 1995. Fatwa Mu'asarah (Fatwa Masa Kini). Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Dr. Muhammad Uqlah. 1982. Ahkam Al-Zakah wa Al-Sadaqah. Amman: Maktabah Al-Risalah Al-Hadithah.

Dr. Mustafa Al-Khin, Dr. Mustafa Al-Bugha & Dr. Ali Al-Syarbaji. 2003. Al-Fiqh Al-Manhaji (Manhaj Fiqh Al-Syafi'i). Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.

Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf. t.th. Fatawa Syariah. Darul I'tisam.

Imam Yahya bin Abi Al-Khair bin Salim bin As'ad bin Abdullah Ibn Muhammad bin Musa bin Umran Al-Umrani. 2002. Al-Bayan fi Fiqh Al-Imam Al-Syafie. Dar Al-Kitab Al-Ilmiyah.

Aiman bin Sa'ud Al-Anqari. 2009. Al-Masail Al-Mustajiddah fi Nawazil Al-Zakah Al-Muasirah. Riyadh: Darul Maiman.

Abdullah bin Mansur Al-Ghafili. 2008. Nawazil Al-Zakah Dirasah Fiqhiyyah Ta'siliyyah li Mustajiddat Al-Zakat. Riyadh: Darul Maiman.

Sa'di Abu Jaib. 1988. Al-Qamus Al-Fiqhiyyah Al-Lughah wa Istilah. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

Dr. Wahbah Al-Zuhaili. 1984. Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

Ibn Qudamah Al-Maqdisi. t.t. Al-Mughni wa Al-Syarh Al-Kabir. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ibn Rusyd. 2000. Bidayah Al-Mujtahid wa Nihayah Al-Muqtasid. Beirut: Dar Al-Ma rifah.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. 2009. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Siri 1. 2007. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Keputusan Muzakarah Majma' Fiqh Islami. Rabitah Al-Alam Al-Islami.

Dicetak oleh:

Percetakan TM Sdn Bhd

No. 8, Jalan Tembaga SD 5/2H Sri Damansara Ind.

Park52200 Kuala Lumpur

Tel No : 03-62776223 / 03-62743227



Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol : **1300-88-8787**